

BANTUAN AM ASNAF MUALLAF (INSTITUSI)

OBJEKTIF

Bantuan kewangan untuk membantu meringankan bebanan kewangan Institusi atau Urusetia Saudara Kita (USK) yang diperakui oleh Majlis Islam Sarawak sebagai badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan program Pendidikan, Kebajikan dan Keagamaan (Dakwah) untuk saudara-saudara kita.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi 2 kali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Institusi atau Urusetia Saudara Kita (USK) yang diiktiraf oleh Majlis Islam Sarawak untuk menganjur aktiviti dan program Pendidikan, Kebajikan dan Keagamaan (Dakwah) kepada saudara-saudara kita.
2. Berfungsi sebagai institusi yang prihatin kepada hal-ehwal saudara kita dan dakwah pada keseluruhannya.
3. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
4. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).
5. Permohonan tidak akan dilayan jika program atau kursus/aktiviti tersebut telah dilaksanakan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat permohonan.
2. Kertas kerja.
3. Laporan siasatan ke atas Institusi, Urusetia Saudara Kita (USK) dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
4. Salinan akaun (Institusi dan Urusetia Saudara Kita (USK)).
5. Salinan sijil atau surat pendaftaran.